

19/01/2000

Harimau Malaya kenang perjuangan gerila Melayu

Jamudin Idris

BERSEMPENA Hari Wilayah Persekutuan tahun 2000 dan sambutan 30 tahun Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Unit Kebudayaan UKM akan mementaskan teater Harimau Malaya - Pejuang Force 136 selama tiga hari bermula 4 Februari.

Pementasan yang akan diadakan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dibarisi 60 pelakon terdiri daripada tokoh filem dan penggiat teater seperti Datuk Jins Shamsuddin, Jalil Hamid, Raja Azura selain pelajar UKM sendiri.

Pihak penganjur sedang berusaha untuk mendapatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadi penaung pementasan itu. Harga tiket di antara RM10 hingga RM30.

Teater itu berdasarkan skrip yang ditulis Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UKM, Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh manakala Mohd Diani Kasian bertindak sebagai pengarahnya.

Ceritanya berkisar pada Oktober 1944, pejuang gerila Melayu yang baru tamat latihan di Kem Voc, Colombo ditemukan dengan pemimpin tertinggi mereka Harimau Malaya. Mereka diberi taklimat mengenai operasi pendaratan di Tanah Melayu yang bakal dilaksanakan.

Pada awal pagi 1944, tiga 'peniaga beras' dari Selatan Siam melaporkan diri di Pengkalan Imigresen Kuala Besut, Terengganu. Mereka disoal siasat dan diseksa oleh Kapten Kampetai Jepun dari kota Bharu, Kolonel Fujiyama.

Akhirnya mereka terpaksa mengaku bahawa mereka iaitu Kapten Ibrahim Ismail, Mohd Zain Jaafar dan Zakaria adalah perisik rahsia British dari India yang mendarat dekat Pulau Perhentian menerusi bot-terbang Catalina Amphibian dua malam yang lalu menerusi Operasi Oatmeal Violin.

Kolonel Fujiyama ditukarkan dari Kota Bharu ke Grik, Perak untuk menangani masalah kedatangan pejuang gerila dari India. Kumpulan pertama mendarat di Padang Cermin dekat Kuala Temenggor pada 16 Disember 1944 dipimpin oleh Lt Kol Peter Dobree bersama Lt Mohd Nor Rani, Sjn Bahari, Imran, Hussein dan Jamaluddin. Dengan bantuan Batin Pisang, Penghulu Kaum Temiar, mereka ditemukan dengan Penghulu Keroh, bekas pemimpin Kesatuan Melayu Muda Hulu Perak untuk mendapat sokongan tenaga anak tempatan.

Sementara itu, anak penghulu yang persekolahannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar terbantut menyertai pejuang gerila bersama bapa saudaranya.

Penghulu berada dalam keadaan serba salah, untuk terus setia bersama Jepun atau menyebelahi British. Dalam belantara, seorang pejuang Sjn Ariffin menjalinkan hubungan cinta dengan gadis Temiar, yang membawa kepada perkahwinan yang bahagia seketika.

Di Kem Raffles dekat Raub Pahang, Kapten Abdul Razak Hussein berbincang dengan rakan seperjuangannya Ghazali Shafie dan Penolong Pegawai Daerah Yeop Mahidin mengenai masa depan Tanah Melayu selepas Jepun menyerah diri. Mesej dari Harimau Malaya menerusi All-India Radio pada awal Ogos 1945 meminta semua gerila Force 136 keluar menguasai kawasan strategik yang terdekat supaya tidak dikuasai oleh tentera Bintang Tiga.

Di Grik, pertempuran berlaku di antara gerila Force 136 dengan Tentera Jepun yang berakhir dengan penyerahan diri Jepun. Sarjan Ariffin yang masuk semula ke hutan untuk membawa keluar isterinya yang sedang sarat mengandung terpaksa bergelut dengan Tentera Bintang Tiga.

Pihak korporat dan swasta yang berminat untuk sama-sama memberi suntikan semangat patriotisme pada teater itu boleh menghantar sumbangan melalui Bendahari UKM.

(END)